

## PENYUNTINGAN

*Petikan di bawah mengandungi **tiga belas** kesalahan bahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada tiga belas kesalahan yang terdapat dalam petikan. Anda tidak perlu menyalin petikan tersebut.*

Sebagai sebuah negara yang didiami oleh kaum yang bagai, peranan bahasa Malaysia sebagai bahasa perpaduan perlu dipandang dengan lebih serius. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat setengah pihak yang beranggapan bahawa kedudukan bahasa Malaysia kini sudah terjamin kerana terjadi bahasa rasmi atau bahasa kebangsaan. Hakikatnya, bahasa Malaysia hanya sekadar menjadi bahasa rasmi, tetapi penggunaanya sering kali dipinggirkan terutama apabila melibatkan orang kenamaan. Golongan koporat malah dalam kalangan pakar akademik juga lebih selesa menggunakan bahasa Inggeris berbanding bahasa Malaysia. Mereka sering menganggap bahasa Inggeris kedudukan lebih tinggi.

Dalam kalangan ibu bapa hari ini, kebanyakan berpendapat bahawa untuk memahiri anak-anak dengan bahasa Inggeris, bahasa ini perlu diajar sejak dari anak-anak masih kecil lagi. Hal ini memang ada kebenarannya. Namun, ibu bapa juga harus sedar bahawa jika bahasa asing ini diajar terlebih dahulu tanpa memberi penekanan kepada bahasa ibonda yang amat penting untuk proses melatih mereka berfikir, keadaan ini mengundang kepada masalah budaya bahasa. Perlu kita berusaha untuk mempertahankan bahasa Malaysia agar bahasa ini sentiasa dihayati oleh Rakyat Malaysia sendiri.

(Dipetik dan diubah suai daripada “Maruah Bahasa Malaysia, Utusan Malaysia, 23 Ogos 2007)  
[ 11 markah ]

## Jawapan

| Salah                     | Betul |
|---------------------------|-------|
| bagai                     |       |
| setengah                  |       |
| terjadi                   |       |
| penggunaanya              |       |
| koporat                   |       |
| bahasa Inggeris kedudukan |       |
| memahiri                  |       |
| sejak dari                |       |
| memberi                   |       |
| ibonda                    |       |
| mengundangkan             |       |
| Perlu kita berusaha       |       |
| Rakyat Malaysia           |       |

## PERIBAHASA

*Dialog di bawah mengandungi tiga peribahasa. Senaraikan **tiga** peribahasa tersebut. Kemudian, berikan peribahasa lain yang sama maksud atau hampir sama maksud dengan peribahasa tersebut.*

- Ibu : Suzi, jagalah diri baik-baik ketika kamu berada di rantau orang. Di sana nanti sesuaikan diri dengan budaya dan adat resam mereka. Ikutlah nasihat orang tua-tua, iaitu masuk kandang kambing mengembek, masuk kandang kerbau menguak.
- Suzi : Terima kasih, ibu. Saya akan sematkan nasihat ibu itu dalam hati saya.
- Ibu : Di luar negara nanti ibu berharap Suzi belajar rajin-rajin sehingga berjaya mendapat segulung ijazah, bak kata peribahasa alang-alang berdakwat, biarlah hitam.
- Suzi : Saya tidak lupa akan nasihat ibu itu.
- Ibu : Satu lagi, jangan lupa pulang ke kampung halaman bagai ikan pulang ke lubuk setelah tamat pengajian di luar sana.

[ 6 markah ]

### Jawapan

1. Masuk kandang kambing mengembek, masuk kandang kerbau menguak.

---

2. Alang-alang berdakwat, biarlah hitam.

---

3. Bagai ikan pulang ke lubuk.

---